

PM
16 APR 1992
dianugerah
Warga
Bandar Raya
Bersejarah

MELAKA 15 April — Perdana Menteri, Dato' Sri Mahathir Mohamad hari ini dianugerahkan **Warga Bandar Raya Bersejarah** sempena dengan perasmian bangunan Majlis Perbandaran Melaka Bandar Raya Bersejarah (MPMBB), Graha Makmur di sini.

Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik yang juga Pengerusi MPMBB telah mengalungkan Perdana Menteri di hadapan kira-kira 5,000 orang hadirin.

Perdana Menteri kemudian memeriksa perbarisan kehormat sebelum berucap merasmikan bangunan yang bernilai kira-kira \$21 juta di Bukit Beruang itu.

Upacara perasmian bangunan tersebut telah diiakukan oleh Perdana Menteri dengan menekan butang pembuka tirai di ruang legar *Graha Makmur* itu.

Dato' Sri' Dr. Mahathir kemudian telah melancarkan buku *Melaka : The Historic City Of Malaysia* yang diterbitkan oleh Malaysia Mining Corporation (MMC) Berhad.

Buku setebal 172 muka surat itu mengandungi maklumat dan gambar-gambar menarik di negeri Melaka.

Pada sebelah malam, Perdana Menteri dan Dato' Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali telah menyaksikan perarakan kereta berhias bermula dari Taman Melaka Raya hingga ke Stadium Kubu.

Selain daripada perarakan kereta berhias itu, pertunjukan bunga api turut diadakan.

Berbagai acara menarik telah disusun sepanjang sambutan perayaan Melaka Bandar Raya Bersejarah bermula dari 14 April hingga 24 April ini.